



KENYATAAN SEBUT HARGA

- 1) Penyebut harga adalah dipelawa seperti yang berikut:-

Tajuk / Butiran Sebut Harga	Syarat Kelayakan Penyebut Harga	Tarikh Tutup
Cadangan Pelantikan Syarikat Takaful bagi Pembaharuan Perkhidmatan Perlindungan Takaful <i>Directors & Officers Liability</i> (DOL) bagi Tahun 2023 - 2024 Untuk Tetuan JKP Sdn. Bhd. Dokumen Sebut Harga: JKP/Q/KORPORAT/2022/17	a. Berdaftar dengan SSM b. Berdaftar dengan Bank Negara Malaysia (BNM) - Lesen Perniagaan Pembrokeran Takaful	10hb. November, 2022 Sebut harga yang diterima selepas 12:00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan

- 2) Dokumen Sebut Harga boleh didapati di:-
Bahagian Kontrak
JKP Sdn. Bhd.
Tingkat 14, Menara JKP,
No. 128, Jalan Macalister,
10400 Pulau Pinang.
- pada waktu berikut:-
Isnin - Khamis : 9.00 pg - 1.00 tgh
: 2.00 ptg - 4.30 ptg
Jumaat : 9.00 pg - 12.00 tgh
: 2.45 ptg - 4.30 ptg
- 3) Tempoh sebut harga adalah dari **31hb. Oktober, 2022** hingga **10hb. November, 2022**.
- 4) Penyebut harga mesti membawa **salinan Sijil ASAL (ORIGINAL)** semua Dokumen seperti yang **disyaratkan di dalam jadual** berserta **Perakuan Pendaftaran Jabatan Kastam Diraja Malaysia (untuk tuntutan SST)** dan **Sijil Taraf Bumiputera** (jika ada) **yang lengkap dan masih dalam tempoh sahlaku** serta sesalinan untuk simpanan Pejabat JKP Sdn. Bhd. bagi mendapatkan Dokumen Sebut Harga.
- 5) Penyebut harga mesti mengemukakan **sesalinan Pendaftaran Syarikat SSM, Lesen Perniagaan Pembrokeran Takaful oleh BNM, Perakuan Pendaftaran Jabatan Kastam Diraja Malaysia (tujuan tuntutan SST) dan Sijil Taraf Bumiputera** (jika ada) yang masih dalam tempoh sahlaku, **Profil Syarikat berserta Penyata Bank Syarikat tiga (3) bulan terkini** ketika menghantar Dokumen Sebut Harga.
- 6) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat **berlakri (sealed) BERASINGAN** seperti di **Senarai Semak** dan **bertanda Nombor Sampul, Nombor Sebut Harga JKP/Q/KORPORAT/2022/17** serta **Tajuk Sebut Harga**.
- 7) Dokumen Sebut Harga yang telah siap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Tingkat 14, Menara JKP, No. 128, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang** pada tarikh dan waktu yang dinyatakan dalam jadual. Serahan secara e-mel adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 8) Pihak JKP Sdn. Bhd. tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.